

Headline	Tekad atasi krisis air		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	04 Dec 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	1,11	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	866 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,527
Frequency	Weekly	PR Value	RM 25,580



Horas 600: Tekad atasi krisis air

MUKA II

Headline	Tekad atasi krisis air		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	04 Dec 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	1,11	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	866 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,527
Frequency	Weekly	PR Value	RM 25,580

Hybrid Off River Augmentation Storage (Horas) 600

- Keluasan keseluruhan: 211.39
- Keluasan kolam: 147 hektar
- Lori/mesin/jentera: 200 buah
- Palong/pontoon/pam selut: 8 buah
- Pasir: 14 juta metrik tan
- Tanah beban: 10 juta metrik tan
- Tempoh projek: 4 tahun 7 bulan (2013-2018)
- Kemalangan: sifar
- Kedalaman kolam: 23.5 meter
- Kapasiti Kolam: 30 juta meter padu
- Kapasiti stesen pam air: 300 juta liter sehari
- Parameter kolam: 5 kilometer



Tekad atasi krisis air

KERAJAAN NEGERI amat komited memastikan krisis air ini tidak berulang lagi dan membuat segala perancangan supaya bekalan air sentiasa mencukupi dalam apa jua keadaan sekalipun.

Bagi Selangor khususnya, cabaran kita bukan lagi menyediakan bekalan air kepada penduduknya, tetapi lebih kepada usaha memastikan bekalan air terjamin, mampan dan mampu mengharungi perubahan iklim sama ada semasa musim panas dan kering yang panjang ataupun musim tengkujuh serta banjir besar.

Saya kecewa dengan pengusaha yang tidak bertanggungjawab sanggup menjalankan perniagaan tanpa menghiraukan alam sekitar dan kesihatan orang awam sehingga berlakunya pencemaran sumber air mentah seperti kejadian pencemaran bau yang melanda Sungai Semenyih dan pencemaran bau dan diesel di Sungai Selangor.

Kedua-dua kes pencemaran ini adalah berpunca dari bahan-bahan buangan industri berasaskan resin.

Air Selangor memaklumkan terdapat satu kajian mendalam daripada University Cranfield, United Kingdom berhubung bahan pencemar yang menyebabkan bau dalam air dengan tajuk 'National Assessment Of The Risks To Water Supplies Posed By Low Taste And Odour Threshold Compounds'. Tambahan juga, pihak Air Selangor merujuk kepada pihak University Cranfield berkenaan hasil kajian tersebut.

Berdasar kepada kajian yang dilaksanakan oleh Air Selangor, dapat dirumuskan bahawa bahan pencemar yang mencemarkan Sungai Selangor dan Sungai Semenyih mempunyai karekter yang sama seperti bahan pencemar dalam kajian yang dijalankan oleh University Cranfield, ia memang tidak dapat dirawat sepenuhnya dengan rawatan konvensional (koagulasi, penapisan dan klorin) mahu pun rawatan advance treatment seperti ozon dan activated carbon dengan peratusan penyingkiran adalah pada 37 peratus dan 87 peratus sahaja.

Tambahan lagi, bahan tersebut mempunyai bau yang kuat walaupun pada kepekatan amat rendah 0.01 micro gram per liter, ibarat setitik bahan tersebut mampu mengakibatkan pencemaran bau bagi enam kolam renang bersaiz olimpik.

Oleh yang demikian, Air Selangor tiada pilihan lain selain terpaksa membuat keputusan untuk henti tugas loji.

Justeru, kawalan di sumber adalah mustahak bagi memastikan jenis dan punca pencemaran dikenalpasti lebih awal supaya langkah mitigasi yang efektif dapat dilaksanakan. Ia selaras dengan pendekatan Water Pollution Management di bawah Integrated Water Resources Management (IWRM).

Pihak Kerajaan Negeri memandangkan serius berhubung isu pencemaran ini dan telah meminta semua jabatan dan agensi berkaitan menangani isu ini dengan kadar segera serta penyelesaian secara menyeluruh harus diambil.

Sehubungan itu, saya mengarahkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) untuk menyelaraskan dengan semua jabatan dan agensi terlibat seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan IWK untuk mengemukakan cadangan jangka pendek dan jangka panjang kepada Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan dan menangani insiden pencemaran dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Adalah amat penting sekali bahan buangan dari industri dan loji kumbahan dikawal rapi dan penguatkuasaan dilaksanakan secara ketat oleh pihak penguatkuasa dan agensi berwajib.

Selain daripada itu, kesedaran orang ramai dan pengusaha kilang perlu dipertingkatkan agar tidak membuang bahan kimia atau sisa-sisa buangan dari proses kilang ke dalam sistem kumbahan.

Kerajaan Negeri tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha atau individu yang menyebabkan berlakunya pencemaran sumber air mentah. Setiap warga Selangor mempunyai peranan untuk bersama-sama memastikan kelestarian alam sekitar dan sumber air dapat dipelihara daripada sebarang bentuk pencemaran.

Untuk itu, marilah kita mulakan peranan ini pada diri kita, sayangi dan peliharalah sungai, jangan jadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah sarap dan sisa-sisa industri.

Justeru, penglibatan seluruh anggota masyarakat dalam usaha memelihara sumber air adalah penting bagi memasti-

kan kemelut ini dapat diatasi. Mudah-mudahan dengan kesedaran seluruh anggota masyarakat berhubung perkara ini akan dapat mempertingkatkan lagi tahap kebersihan sumber air kita.

Lebih-lebih lagi dalam memastikan pengurusan dan pemeliharaan sumber air yang lebih mampan dan lestari pada masa akan datang agar anak cucu kita tidak mewarisi sumber bekalan air tercemar.

Saya yakin, pembangunan Hybrid Off River Augmentation Storage (Horas) 600 ini memberi banyak manfaat kepada rakyat Selangor secara amnya dan manfaat khusus kepada Daerah Kuala Selangor. Selain dijadikan sebagai sumber air, tapak HORAS 600 ini boleh dibangunkan sebagai pusat rekreasi dan tarikan pelancong.

Paling membanggakan, walaupun sebelum siap sepenuhnya, HORAS 600 ini telah menjadi rujukan dari negeri lain dalam mengatasi masalah air ketika musim kering, malahan projek HORAS 600 ini telah menjadi ikutan negeri lain. Projek HORAS 600 ini juga telah dilawati oleh wakil-wakil negeri seperti dari Kedah, Johor dan lain-lain.

Sebelum mengakhiri kata-kata, sekali lagi saya ingin menyampaikan komitmen bahawa selaku kerajaan yang peduli rakyat, Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan nombor satu.

Ucapan di Majlis Perasmian Dan Penyerahan Projek Pembangunan Horas 600.